

**BORANG 6**

**DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....**

Petisyen untuk Penerimaan Masuk }  
Peguambela dan Peguamcara }  
No. WA-18-.....

Dalam Perkara.....  
beralamat di.....  
.....

Dan  
Dalam Perkara Seksyen 10 Dan 15 Akta Profesion  
Undang-Undang 1976 (Akta 166)

.....

Pempetisyen

**AFIDAVIT**

Saya, .....yang cukup umur dan tinggal di  
.....

dengan ini sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut :-

1. Saya adalah Pempetisyen dalam Petisyen ini.
2. Saya telah mencapai umur lapan belas tahun. Salinan Sijil Beranak saya dilampirkan di sini dan bertanda "A".
3. Saya adalah seorang warganegara Malaysia. Salinan Kad Pengenalan saya dilampirkan di sini dan bertanda "B".
4. Saya adalah orang berkelayakan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976(Akta 166). Salinan sebenar keterangan dokumentar yang menunjukkan saya orang berkelayakan dilampirkan di sini dan bertanda "C".
5. Sijil Kelakuan Baik daripada .....  
.....  
dilampirkan di sini dan masing-masingnya bertanda "D" dan "E".
6. Saya telah, bagi tempoh bermula dari..... haribulan .....20.....  
hingga ..... haribulan .....20.....  
dengan rajinnya belajar dalam Kamar Encik/Puan/Cik\* .....  
dari Tetuan .....seorang  
Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya yang menjalankan dan telah menjalankan  
amalan secara aktif dalam Malaysia bagi jumlah tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun sebelum  
sahaja tarikh latihan saya bermula. Sijil Kerajinan dari Pengajar saya dilampirkan di sini dan bertanda  
"F".
- \*7. Saya telah lulus Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Salinan Sijil yang ditandatangani oleh  
Setiausaha Lembaga Kelayakan dilampirkan di sini dan bertanda "G".
- \*7. Saya telah dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia oleh Lembaga Kelayakan.  
Salinan Sijil Pengecualian yang ditandatangani oleh Setiausaha Lembaga Kelayakan dilampirkan di sini  
dan bertanda "G".
8. Saya telah memfailkan Petisyen di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur memohon diterima  
masuk dan didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi di Malaya. Notis-  
notis yang memberitahu bahawa saya telah mempetisyen sedemikian telah ditampalkan pada semua  
Mahkamah Tinggi untuk selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh penampalan terakhir.  
Salinan Sijil Penampalan Terakhir dilampirkan di sini dan bertanda "H".

DIKRAR oleh yang bernama di atas di  
..... pada .....  
haribulan .....20.....  
pukul .....pagi/petang.

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah